



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 27 MEI 2010**

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan jangkitan virus Influenza A(H1N1) MASIH aktif di dalam komuniti di mana laporan kejadian kluster masih terus diterima. Kejadian-kejadian kluster ILI yang masih berterusan berlaku menunjukkan penularan influenza A(H1N1) di negara ini masih lagi aktif walaupun terkawal. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat tumpuan orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Masyarakat boleh membantu dengan melaporkan segera kejadian kluster ILI ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan atau mengabaikan langkah-langkah pencegahan Influenza A(H1N1) yang telah diumumkan sebelum ini. Masyarakat juga digesa agar terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang terbukti berkesan seperti berikut:-

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.

4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.
6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu segera mendapatkan pemeriksaan perubatan serta rawatan di klinik yang berdekatan.
7. Bagi mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko disaran agar mendapatkan pelalian H1N1 di fasiliti kesihatan kerajaan terpilih di seluruh negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 27 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lima (5) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) negeri seperti di **Lampiran 1**. Sementara itu, terdapat sebanyak 103 kejadian kluster yang masih aktif di seluruh negara.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 26 Mei 2010, sejumlah 31 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,749. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 588 kes. Daripada jumlah tersebut, 42 kes (7.1%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah lima (5) kes dengan kesemuanya mempunyai faktor risiko. Tiada laporan kematian H1N1 yang disebabkan jangkitan virus influenza A(H1N1) diterima. Ini menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini kekal 87 orang.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 27 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 27 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	SMK Datuk Abd. Rahman Yaakob, Jasin, Melaka.	1598	31	Masih menunggu keputusan	Seorang dimasukkan ke hospital dan diberi rawatan antiviral, selebihnya diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
2.	Keluarga di No. 1, Kwarters D'Mart, Felda Lui Selatan 1, Negeri Sembilan.	8	6	Masih menunggu keputusan	Empat (4) diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar manakala dua (2) diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
3.	ILP Kepala Batas, Pulau Pinang.	195	11	Masih menunggu keputusan	Enam (6) diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar manakala selebihnya diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
4.	Keluarga di No. 5 Lorong Seroja Off Jalan Tengku Badar, Klang, Selangor.	6	2	Masih menunggu keputusan	Dua (2) dimasukkan ke hospital dan diberi rawatan antiviral, telah discaj dan stabil.
5.	Pusat Latihan Penjara, Taiping, Perak.	35	8	Masih menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar dan diisolasi di rumah masing-masing.